

09/09/2003

Harapan Bajet 2004 beri nafas baru kepada PKS

SYARIKAT perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ketika ini membentuk 92 peratus daripada perniagaan di negara ini.

Namun sumbangannya kepada kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara hanya kira-kira enam peratus.

Berikutan kepentingan PKS kepada sektor perindustrian, kerajaan memberikan perhatian serius dalam pembangunannya.

Antara usaha yang diambil kerajaan bagi memajukan PKS ialah meningkatkan peruntukan untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan (Tekun) sebanyak RM200 juta di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mei lalu.

Di samping itu, Bank Negara Malaysia pula menyediakan RM600 juta kepada Tabung IndustriKS dan RM400 juta kepada Tabung Usahawan Baru.

Dalam Bajet 2003, kerajaan mengurangkan cukai korporat syarikat PKS dengan modal berbayar kurang RM2.5 juta kepada 20 peratus daripada 28 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000.

Ia bertujuan meningkatkan lagi daya saing sektor berkenaan, selain untuk meningkatkan pelaburan domestik dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi syarikat PKS dalam sektor pelancongan, kerajaan dalam Bajet 2003 memperuntukkan Dana Khas Pelancongan berjumlah RM400 juta.

Di samping itu, kerajaan turut meluluskan peruntukan RM200 juta untuk Tabung Infrastruktur Pelancongan bagi memastikan pembangunan berterusan industri pelancongan negara.

Jumaat ini kerajaan akan membentangkan pula Bajet 2004. Apakah harapan sektor PKS dalam bajet kali ini?

Presiden Persatuan Industri Kecil dan Sederhana (SMIA), Looi Teong Chye, berkata syarikat PKS tempatan ketika ini berdepan dengan lima isu.

Isu utama ialah capaian kepada dana.

Isu lain, katanya, ialah yang berkaitan pemasaran, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan sumber manusia dan pengurusan.

Mungkinkah bajet yang bakal dibentangkan Dr Mahathir Jumaat ini akan menyentuh cabaran isu-isu ini?

Timbalan Presiden Institut Percukaian Malaysia (MIT), Abdul Hamid Mohd Hassan, berkata perkembangan yang berlaku dalam tempoh awal tahun ini seperti perang di Iraq dan serangan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) menunjukkan betapa pentingnya usaha menggalakkan pertumbuhan domestik yang dijana oleh PKS bagi mengurangkan pergantungan kepada sumber luar.

Faktor itu tentunya akan diambil kira dalam Bajet 2004, terutama dalam usaha menggalakkan pertumbuhan domestik yang turut disumbangkan oleh PKS, katanya.

"Bagi menggalakkan lagi pertumbuhan sektor PKS ini, MIT berharap had bagi pengurangan cukai korporat 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000 dinaikkan sehingga RM500,000," katanya.

Profesor Madya di Jabatan Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Faridah Ahmad, pula berkata bagi menggalakkan lagi pertumbuhan PKS di negara ini, bank perlu diminta menimbang untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman kepada PKS tanpa menambah kadar faedah.

"Langkah lain ialah menyediakan pinjaman sebagai modal pusingan untuk meningkatkan perniagaan," katanya.

PKS adalah antara sektor yang diberi perhatian utama oleh kerajaan dilihat daripada pelbagai usaha yang dilakukan, sama ada untuk meningkatkan sektor itu atau usaha memulihkannya.

Ketika sektor itu terjejas akibat SARS baru-baru ini, kerajaan memperuntukkan pinjaman mudah RM50 juta kepada syarikat PKS yang menerima kesan daripada wabak itu supaya dapat menjana semula kegiatan mereka.

Dana tambahan bagi PKS itu bertujuan memulihkan industri sokongan yang terbabit secara langsung dalam sektor pelancongan, hospitaliti dan perkhidmatan yang dikenal pasti mengalami kesan paling teruk akibat sindrom itu.

Selain penyediaan dana, SMIA juga diberikan pengecualian daripada menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia sebanyak satu peratus daripada perolehan untuk tempoh masa setahun.

SMIA dalam pertemuan antara ahlinya dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap kerajaan mengecualikan pengguna daripada membayar cukai perkhidmatan dalam usaha meningkatkan perbelanjaan domestik.

Pengecualian sedemikian juga diharapkan dapat meningkatkan ekonomi domestik, sekali gus meningkatkan perbelanjaan di kalangan pengguna.

Jika insentif dari segi pengurangan cukai tidak banyak yang dapat diberikan kepada PKS dalam setiap kali pembentangan bajet, isu lebih penting yang ada kaitan dengan PKS itu sendiri, termasuk rungutan mereka mengenai kesukaran mendapatkan pinjaman, perlu ditangani segera.

Jika masalah ini dapat diatasi sudah tentu institusi perbankan tempatan tidak lagi dikritik kerana dikatakan kurang memberikan pinjaman kepada PKS.

Bank pula menyatakan mereka tidak pernah meminggirkan pengusaha PKS tetapi pemberian pinjaman tentunya diberikan kepada PKS yang menceburi sektor produktif.

Pengarah Urusan Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB), Dr Rozali Mohamed Ali, pada satu persidangan perbankan awal tahun ini, berkata tanggapan sesetengah pihak yang mendakwa bank tempatan enggan dan tidak bersedia memberi pinjaman kepada PKS, perlu diperbetulkan.

Tegasnya, pemberian pinjaman kepada PKS tidak akan diberikan sewenang-wenangnya tetapi ditumpukan kepada sektor yang produktif.

Diharapkan Bajet 2004 dapat memberikan nafas baru kepada PKS tempatan.

Harapan kita supaya sektor ini terus berkembang dan dapat memberikan sumbangan yang lebih besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerana sumbangan PKS kepada ekonomi masih lagi rendah berbanding sumbangan 50 peratus kepada KDNK di negara maju dan 18 peratus di Korea Selatan.